



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PENDEKATAN *WHOLE OF NATION* DITERJEMAH MELALUI PENYERTAAN KPDN DI EKSPLO 2025 OSAKA

Pengisian Minggu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Ekspo 2025 Osaka dengan kerjasama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Sekretariat Pavilion Malaysia serta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah bermula pada 25 Mei sehingga 1 Jun 2025.

Penyertaan KPDN dalam Ekspo 2025 Osaka ini bertujuan bukan sahaja untuk memperkukuh jaringan kerjasama strategik malah turut memberi tumpuan kepada penerokaan peluang perluasan pasaran di peringkat antarabangsa khususnya di Jepun. Di samping itu, penyertaan ini juga menjadi platform untuk mengetengahkan amalan terbaik KPDN dalam sektor perdagangan pengedaran dan perlindungan harta intelek.

Antara pengisian utama sepanjang minggu KPDN di Ekspo 2025 Osaka termasuklah mengangkat inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Initiative-REDI*) yang telah dipilih oleh *Japan Association for the 2025 Exposition* selaku penganjur utama, bagi menyemarakkan tema mingguan yang ditetapkan iaitu *The Future of Community and Mobility*. Inisiatif ini diketengahkan melalui sesi perkongsian oleh para panelis menerusi topik bertajuk *Retail Digitalisation Initiative (ReDI): Driving Cashless Adoption and Technology in Rural Malaysia*.

Sesi ini juga memperlihatkan kejayaan kerjasama strategik Kerajaan dengan pihak industri iaitu penyedia e-Wallet Malaysia seperti TNG Digital Sdn. Bhd. dan Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) serta wakil usahawan peruncitan dalam memberikan pendedahan kepada peniaga luar bandar berhubung manfaat pengoperasian perniagaan secara digital.

Selain inisiatif REDI dan penglibatan rakan strategik penyedia e-Wallet, pendekatan interaktif di reruai KPDN turut menyaksikan kehadiran pemain industri jualan langsung di bawah Direct Selling Association of Malaysia (DSAM) dan Malaysia Direct Distribution Association (MDDA).

KPDN sebagai pihak yang mengawal selia industri ini menyediakan platform Minggu KPDN untuk membantu mempromosi produk jualan langsung Malaysia serta menghubungkan mereka dengan rakan strategik di Jepun ke arah akses pasaran dan jaringan kerjasama. Antara syarikat jualan langsung yang diketengahkan ialah Prife International Sdn. Bhd., Cosway (M) Sdn. Bhd., CNI Enterprise (M) Sdn. Bhd., Healthy Way (M) Sdn. Bhd., Zhulian Marketing (M) Sdn. Bhd., AG Nutrition International Sdn. Bhd. dan OMX Nutrition Sdn. Bhd.

Selain itu Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang merupakan agensi di bawah KPDN turut mengambil bahagian meningkatkan keterlihatan usaha Kerajaan dalam perlindungan dan pendaftaran harta intelek. Ini termasuklah perkongsian inovasi lakaran motif batik menggunakan tanah liat mesra alam yang dipatenkan oleh MyIPO serta perlindungan dan pendaftaran Petunjuk Geografi seperti Kebaya Nyonya Melaka, Tembaga Terengganu dan Wau Kapal Selangor. Pameran ini bukan sahaja memberi peluang kepada pengunjung antarabangsa mengenali produk-produk buatan tempatan tetapi merupakan langkah penting dalam memartabatkan harta intelek sebagai pemangkin pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan yang boleh menjadi daya tarikan pelabur.

Secara keseluruhan, penyertaan KPDN di Ekspo 2025 Osaka dengan sokongan serta penglibatan aktif pemain industri yang berkaitan merupakan manifestasi penting kepada pendekatan konsep *whole of nation* dalam membantu KPDN melaksanakan mandatnya secara lebih berkesan sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI. Sehubungan itu, KPDN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang jitu dalam menjayakan Minggu KPDN di Ekspo 2025 Osaka.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup**

Osaka, Jepun
30 Mei 2025

